

BEBAN TUGAS GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU: ISU DAN CADANGAN

Sharifah Shafie

Kementerian Pendidikan Malaysia

Suhaida Abdul Kadir
Soaib Asimiran

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Sistem pendidikan peringkat sekolah sering kali mengalami perubahan. Perubahan tersebut seterusnya memberi kesan kepada beban tugas guru. Satu kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti beban tugas guru Kemahiran Hidup Bersepadu. Responden terdiri daripada 28 guru KHB di sekitar Kedah telah mengisi soal selidik tentang beban tugas mereka dalam bentuk jumlah masa yang diluahkan untuk menyiapkan tugas yang berkaitan dengan sekolah. Beban tugas guru diukur dalam sembilan aspek. Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata beban tugas guru KHB dalam seminggu ialah 40.5 jam. Implikasi kajian ini adalah beban tugas guru KHB perlu dikurangkan untuk memastikan guru KHB dapat memberi fokus kepada inovasi pengajaran. Dicadangkan jawatan pembantu bengkel Kemahiran Hidup perlu diwujudkan sebagaimana pembantu makmal sains yang berperanan membantu tugas guru sains.

Kata kunci: *beban tugas, Guru Kemahiran Hidup Bersepadu, Bengkel Kemahiran Hidup*

PENGENALAN

Perkembangan dalam sistem pendidikan di Malaysia sedikit sebanyak telah merangsang perubahan dari segi peranan dan tanggungjawab guru. Kesannya guru bukan sahaja melakukan tugas sedia ada tetapi perlu memikul pelbagai tugas dan tanggungjawab sejajar dengan perubahan tersebut.

Beban tugas adalah merujuk kepada tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilakukan oleh guru sama ada tanggungjawab di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah untuk menyelesaikan kerja-kerja sekolah (Muhammad Shukri, 1998). Guru terpaksa melaksanakan pelbagai tugas seperti tugas sebagai guru tingkatan, tugas sebagai ketua panitia mata pelajaran dan sebagainya. Sebagai guru tingkatan terutamanya untuk tingkatan satu memerlukan guru mengisi kad-kad laporan secara lengkap dan terperinci (Rohani, 1991). Ada ketikanya guru-guru dikehendaki bertugas pada hari Ahad bagi memastikan rancangan pihak jabatan pelajaran dapat

dijalankan dengan baik seperti yang dirancang (Adam, 2002). Dengan kepelbagaian melakukan tugas ini, guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik yang hanya menyampaikan maklumat tetapi juga sebagai pengurus, perancang, fasilitator serta *role-model* kepada masyarakat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Pelbagai tugas rencam yang perlu dilakukan oleh guru ini telah menyebabkan guru hilang fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Beban tugas yang terpaksa dipikul oleh guru perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana beban tugas yang berlebihan akan menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada murid dan juga organisasi sekolah. Kualiti pengajaran guru khususnya dan kualiti pendidikan negara amnya akan terjejas. Beban tugas juga akan memberi kesan kepada nilai moral, kepuasan kerja dan kualiti hidup peribadi seseorang (Bridges & Searle, 2011). Ini disebabkan salah satu punca tekanan kerja di kalangan guru adalah disebabkan oleh faktor beban tugas yang banyak (Lukman, 2008). Ekspektasi masyarakat terutamanya ibu bapa terhadap guru sangat tinggi dan mereka menaruh harapan yang sangat tinggi terhadap anak-anak mereka untuk mencapai kecemerlangan akademik, kokurikulum dan pembentukan sahsiah yang tinggi. Jadi, guru sebagai penjana pembina masyarakat berilmu dan bertamadun merupakan elemen penting dalam pendidikan berkualiti. Hanya guru yang berprestasi tinggi akan dapat menjiwai sepenuhnya profesion keguruan boleh menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

MODEL BEBAN TUGAS GURU


Beban tugas merujuk kepada tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilakukan oleh para guru sama ada tanggungjawab di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah untuk menyelesaikan segala tugas. Beban tugas boleh diukur dengan melihat jumlah masa yang diperuntukan bagi menyelesaikannya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa model yang digunakan dalam kajian beban tugas guru. Antaranya ialah Work Allocation Models (WAMs) dan Model Keutamaan (Cooper, 2013).

Merujuk kepada Rajah 1, Cooper (2013) telah membincangkan bagaimana mengurus beban kerja dan menugaskan kerja dan tanggungjawab secara efektif. Beliau menyatakan halangan yang biasanya dihadapi oleh kebanyakan pemimpin dalam persekitaran moden hari ini ialah kekurangan masa bagi melakukan pelbagai perkara yang boleh membantu mereka membina, mengembang dan memimpin pasukan berprestasi tinggi. Beliau memperkenalkan satu model yang berkaitan iaitu Model Keutamaan. Model ini mempunyai dua dimensi yang berdasarkan penting dan keterdesakan.

Perkara pertama yang perlu dipertimbangkan adalah apa yang membuatkan tugas itu lebih penting atau kurang penting dan lebih mendesak atau kurang mendesak. Apa yang menyebabkan sesuatu perkara itu penting boleh dilihat daripada segi akibat iaitu apakah impak negatif daripada tugas yang diselesaikan. Yang kedua ialah manfaat iaitu kesan positif daripada tugas yang diselesaikan. Yang ketiga ialah saling kebergantungan iaitu sejauh mana orang lain atau tugas lain

bergantung kepada tugas ini dan yang terakhir ialah metrik prestasi iaitu adakah pekerjaan ini berkaitan langsung dengan metrik prestasi di mana pasukan atau individu tersebut akan diukur.

Perkara kedua yang menjadi dimensi utama dalam model ini ialah faktor keterdesakan. Keterdesakan berkait rapat dengan tarikh akhir dan saling kebergantungan. Tarikh akhir lebih kepada bilakah sesuatu tugas perlu diselesaikan. Saling kebergantungan pula melibatkan keadaan tugas itu iaitu sejauh manakah orang lain atau tugas lain bergantung kepada tugas yang perlu dilaksanakan itu.



Rajah 2: Model Keutamaan
Sumber : Cooper (2013)

Berdasarkan gambaran keseluruhan model ini, dimensi kepentingan adalah berdasarkan kepentingan sesuatu faktor dan dimensi keterdesakan adalah garis masa bila sesuatu tugas itu harus diselesaikan oleh sama ada dengan tarikh akhir tertentu yang berasingan atau tarikh akhir yang dicipta melalui saling kebergantungan. Rajah 1 menunjukkan aliran kerja yang tetap untuk hampir setiap jenis pekerjaan. Sesetengah tugas memerlukan perhatian segera dan yang lain pula tiba pada tahap keterdesakan yang lebih rendah dan menjadi lebih mendesak jika ia tidak diselesaikan. Maksudnya sesetengah tugas sama ada sebagai keutamaan A atau B, sedangkan tugas keutamaan C yang tidak diselesaikan akan menjadi keutamaan A

dan tugas keutamaan D yang tidak diselesaikan biasanya akan menjadi keutamaan B. Dalam keadaan normal, tugas-tugas ini adalah kurang penting dan ia hanya akan menjadi lebih mendesak.

Aliran kerja dalam rajah 1 ini juga menerangkan bagaimana untuk mengurangkan jumlah masa yang dihabiskan untuk tugas keutamaan A di mana tempat ini bukanlah bagus untuk bekerja kerana kerja yang dilakukan bersifat tekanan yang tinggi dan perlu disiapkan dengan cara tergesa-gesa dan menyebabkan penghasilan kerja yang berkualiti rendah dan persekitaran kerja yang kelam kabut. Sebaiknya ialah dengan mempersiapkan tugas itu dahulu, iaitu melabur masa untuk tugas apabila ia berada pada keutamaan C. Seorang pemimpin yang cemerlang akan menghabiskan sebahagian besar masa bekerja di zon C.

Menurut Vardi (2008), dalam kajian beliau di beberapa buah universiti di Australia, beliau telah mendapati bahawa Work Allocation Models (WAMs) yang digunakan boleh mengagihkan beban tugas secara saksama. Walaubagaimanapun, untuk mengatasi beban yang meluas, terdapat keperluan bagi sesebuah organisasi untuk mengkaji faktor-faktor lain, seperti tahap kakitangan dan proses pentadbiran. Sehingga kini, ia menunjukkan penggunaan dan proses pembangunan model sebagai penentu utama kejayaan dan keberkesanan WAMs. Walaubagaimanapun, kajian ini menunjukkan kepentingan struktur dan tujuan mereka pada kehidupan bekerja dan kepuasan kedua-dua pengurus dan staf akademik mereka. Penemuan ini menunjukkan bahawa WAMs adalah berstruktur, dengan satu tujuan untuk mengagihkan kerja, menyebabkan kurangnya rasa tidak puas hati dalam kalangan kakitangannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti beban tugas guru KHB berdasarkan sembilan aspek tugas rasmi guru KHB. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

1. Menghuraikan beban tugas guru KHB berdasarkan aspek kurikulum, kokurikulum, kewangan, hal ehwal murid, pengurusan dan pentadbiran, pembangunan fizikal, pembangunan staf, komuniti, dan pengurusan asrama.
2. Membandingkan beban tugas guru KHB berdasarkan faktor demografi (umur, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik dan jumlah tingkatan yang diajar).

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk tinjauan dan soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Seramai 28 orang guru KHB di sebuah daerah di Kedah terlibat sebagai responden kajian. Responden kajian terdiri daripada 6 guru lelaki (21.4%) dan 22 guru perempuan (78.6%); 9 guru (32.1%) dalam lingkungan umur 40 tahun ke bawah dan 19 guru (67.9%) berumur melebihi 40 tahun; 10 guru (10.7%) memiliki kelayakan akademik tertinggi sijil atau diploma, 18 guru (42.9%) memiliki ijazah

sarjana muda;15 guru (53.6%) mempunyai pengalaman mengajar selama 20 tahun ke bawah dan 13 guru (46.4%) berpengalaman mengajar melebihi 20 tahun.

Beban tugas guru KHB diukur menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru (KPM, 2007).Soal selidik ini meminta responden menyatakan kekerapan sesuatu tugas itu dilakukan dalam sesuatu tempoh dan jumlah masa yang diperlukan untuk menyiapkan tugas tersebut. Beban tugas guru dihitung dengan menjumlahkan masa yang terlibat dan dilaporkan dalam bentuk jam per minggu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan berkaitan demografi tugas menunjukkan kebanyakan responden (n=27, 96.4%) mengajara satu atau dua tingkatan. Bagi jumlah waktu mengajar seminggu pula, kebanyakan responden (n=20, 71.4%) mengajar antara 21 hingga 25 waktu seminggu dan hanya 5 responden (17.9%) mengajar melebihi 25 waktu seminggu. Bagi jumlah bilangan kelas di ajar pula, kebanyakan responden mengajar 7 hingga 8 kelas iaitu 19 responden (67.9%). Daripada dapatan ini, tugas guru KHB dirasakan berat kerana perlu mengajar sehingga 8 kelas ditambah pula dengan mengajar sehingga 2 tingkatan yang sudah tentunya mengikut sukatan pelajaran dan isi kandungan yang berbeza. Di samping itu juga jumlah waktu mengajar melebihi 25 waktu seminggu menambah beban kepada guru kerana guru KHB juga perlu menguruskan bilik-bilik khas di samping tugas mengajar.

Jadual 1: *Taburan responden berdasarkan demografi tugas*

		n	Frekuensi (%)
Tingkatan diajar	Satu tingkatan sahaja	15	53.6
	Dua tingkatan	12	42.9
	Tiga Tingkatan	1	3.6
Jumlah waktu mengajar seminggu	20 waktu ke bawah	3	10.7
	21 – 25 waktu	20	71.4
	Melebihi 25 waktu	5	17.9
Bilangan kelas yang diajar	5 – 6 kelas	6	21.4
	7 – 8 kelas	19	67.9
	9 kelas ke atas	3	10.7

Kebanyakan responden (n=26, 92.9%) responden mempunyai bilik khas yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Peranan guru KHB dalam mengurus bilik khas ialah memastikan setiap bilik di bawah kawalan masing-masing terurus, bersih dan ceria. Tugas ini termasuklah memastikan setiap peralatan yang terdapat di dalam bilik-bilik khas tersebut di rekod dan disusun dengan kemas dan teratur, di samping memastikan bilik-bilik tersebut dapat digunakan semasa proses pengajaran dan

pembelajaran dengan sebaik yang mungkin. Senarai bilik khas tersebut ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: *Taburan responden yang memegang bilik khas*

		n	Frekuensi (%)
Bilik Khas	Bengkel Kerja Kayu dan Logam	5	17.9
	Bengkel Elektrik dan Elektronik	5	17.9
	Bengkel Paip Asas	2	7.1
	Bilik Jahitan	5	17.9
	Bilik Masakan	5	17.9
	Bilik Pengurusan Diri	2	7.1
	Lain-lain bilik khas	2	7.1
	Tiada	2	7.1

Waktu Penyelenggaraan Makmal (WPM) ialah waktu yang diperuntukkan kepada guru bagi tujuan penyelenggaraan bengkel KHB. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1998 dikeluarkan semula pada tahun 2003 mengenai alternatif meringankan beban tugas guru KHB sekolah menengah dengan mengrahaikan semua pengetua memperuntukkan 4 waktu seminggu kepada guru kanan mata pelajaran KHB. Persoalannya adakah setiap sekolah melaksanakan peruntukan 4 waktu tersebut kepada guru yang menguruskan bilik-bilik khas seperti makmal atau bengkel KHB? Atau adakah WPM ini hanya diperuntukkan kepada guru kanan atau ketua panitia sahaja sedangkan guru-guru KHB yang lain juga menguruskan penyelenggaraan bengkel KHB? Persoalan ini terjawab setelah kajian ini dijalankan. Taburan responden yang diperuntukkan WPM ditunjukkan dalam Jadual 3. Ini bermakna hanya sebilangan kecil sahaja guru yang diberi peruntukkan WPM iaitu 5 responden (17.9%) dan 23 responden lagi (82.1%) tidak diberi peruntukkan WPM sedangkan sebilangan besar responden (n=26, 92.9%) diberi tugas menguruskan bilik-bilik khas atau bengkel KHB. Dapatan ini juga menunjukkan hanya sebilangan kecil sekolah sahaja yang mengikuti sepenuhnya Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1998. Ini akan memberi kesan kepada pengurusan bengkel KHB, iaitu guru-guru KHB akan merasa terbeban kerana pelbagai tugas pengurusan bengkel terpaksa dilakukan sendiri, antaranya ialah mengemas, mencuci bengkel selepas proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya yang melibatkan amali, mengurus dan menyelenggara pelbagai peralatan dan mesin, membuat semakan stok dan inventori terhadap pelbagai jenis peralatan di bengkel serta menyelenggara bengkel dari segi susun atur dan keceriaan. Di samping itu, guru KHB juga tidak terkecuali dari memikul tugas dan tanggungjawab menyemak dan menilai kerja kursus dan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) setiap pelajar dan tugas-tugas perkeranian sebagaimana guru-guru mata pelajaran yang lain. Taburan responden yang diberi peruntukan WPM ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: *Peruntukan Waktu Penyelenggaraan Makmal (WPM)*

		n	Frekuensi (%)
Waktu Penyelenggaraan Makmal	Ya	5	17.9
	Tidak	23	82.1

Dapatan kajian menunjukkan secara purata guru menggunakan 40.5 jam seminggu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Purata jam seminggu yang dinyatakan adalah berdasarkan tujuh hari seminggu meliputi semua tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan dalam waktu persekolahan dan di luar waktu persekolahan sepanjang tahun. Dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan guru menggunakan 30 hingga 39.99 jam seminggu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab (n=15, 53.6%). Hanya terdapat 5 responden (17.9%) yang menggunakan masa melebihi 50 jam seminggu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Guru-guru ini memegang jawatan penting di sekolah seperti ketua panitia, setiausaha peperiksaan dan juga guru koperasi. Jumlah melebihi 50 jam seminggu dianggap berat kerana melebihi jumlah jam bekerja penjawat awam (40 jam seminggu). Jumlah beban tugas guru KHB ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: *Jumlah Beban Tugas Guru KHB*

		n	Frekuensi (%)
Beban Tugas Guru KHB	Kurang dari 30 jam	3	10.7
	30 hingga 39.99 jam	15	53.6
	40 hingga 49.99 jam	5	17.9
	50 jam ke atas	5	17.9

Guru menggunakan jumlah jam bekerja seminggu untuk melaksanakan sembilan aspek tugas dan tanggungjawab yang meliputi kurikulum, kokurikulum, Hal Ehwal Murid, Kewangan, Pengurusan dan Pentadbiran, Pembangunan Staf, Komuniti, Asrama dan Pembangunan Fizikal. Daripada kesembilan aspek tugas dan tanggungjawab guru, dapatan kajian menunjukkan guru memperuntukkan masa yang banyak dalam dua aspek utama iaitu kurikulum (purata 31.7 jam) dan juga kokurikulum (purata 4.36 jam). Dapatan kajian ini adalah munasabah kerana tugas utama seorang guru adalah mengajar disamping dipertanggungjawabkan membentuk sahsiah pelajar agar menjadi warganegara yang mempunyai jati diri yang tinggi. Jumlah waktu mengajar seminggu bagi seorang guru boleh memberi kesan yang besar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Jumlah waktu mengajar yang terlalu banyak ditambah dengan tugas-tugas lain menyebabkan guru sukar memberi tumpuan yang sewajarnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan keperluan setiap murid. Purata jumlah beban tugas guru secara keseluruhan dan berdasarkan sembilan aspek ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 4: *Jumlah beban tugas keseluruhan dan 9 aspek*

		Min	s.p
Beban tugas keseluruhan	Jumlah jam beban tugas	40.50	1.7
Beban tugas mengikut aspek	Kurikulum	31.70	8.2
	Kokurikulum	4.36	6.8
	Hal Ehwal Murid	2.05	2.3
	Kewangan	0.80	0.98
	Pengurusan dan Pentadbiran	0.68	1.4
	Pembangunan staf	0.56	0.5
	Komuniti	0.26	0.59
	Asrama	0.06	0.29
	Pembangunan fizikal	0.03	0.05

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru memperuntukkan 20 hingga 29.9 jam (n=14, 50%) masa untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam aspek kurikulum. Hanya 4 responden (14.29%) menggunakan masa melebihi 40 jam untuk melaksanakan tugas dalam aspek kurikulum. Aspek kurikulum meliputi tugas dan tanggungjawab guru dalam pengajaran dan pembelajaran, pencerapan, pengujian dan penilaian, pengurusan panitia, pengurusan makmal dan bengkel, bimbingan kepada guru dan murid, mengadakan kelas tambahan, menjadi guru ganti, menghadiri mesyuarat, perjumpaan dengan ibu bapa atau penjaga, mengadakan majlis berkaitan pembelajaran dan membuat laporan murid. Taburan jumlah beban tugas dalam aspek kurikulum ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 5: *Taburan jumlah beban tugas dalam aspek kurikulum*

		n	Frekuensi (%)
Tugas Kurikulum	Kurang dari 20 jam	2	7.14
	20 hingga 29.9 jam	14	50.0
	30 hingga 39.9 jam	8	28.57
	40 jam ke atas	4	14.29

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru memperuntukkan kurang daripada 30 jam setahun (n=16, 57.1%) masa untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam aspek kokurikulum. Hanya 4 responden (14.3%) menggunakan masa melebihi 40 jam setahun untuk melaksanakan tugas dalam aspek kokurikulum. Ini menjadikan purata penggunaan masa adalah 4.36 jam dalam seminggu. Aspek kokurikulum pula meliputi aktiviti sukan, kelab dan persatuan serta badan beruniform. Ia juga melibatkan pengurusan mesyuarat, latihan kejurulatihan, pengelolaan pertandingan, logistik (pengurusan stor/peralatan/kewangan), penghargaan (Sukan Tahunan, Hari Kokurikulum, Jogathon) dan membuat dokumentasi.

Jadual 6: Taburan jumlah beban tugas dalam aspek kokurikulum

		n	Frekuensi (%)
Tugas Kokurikulum	Kurang dari 30 jam	16	57.1
	30 hingga 39.9 jam	8	28.6
	40 jam ke atas	4	14.3

Jadual 8 menunjukkan hasil dapatan ujian t untuk menentukan perbezaan jumlah beban tugas di antara guru KHB berlainan umur, kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar dan jumlah tingkatan diajar. Hasil ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang berumur 40 tahun ke bawah dengan guru yang berumur melebihi 40 tahun ($t=2.198$, $p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa faktor umur juga memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah waktu mengajar bagi seseorang guru. Guru yang berumur lebih muda mungkin diberikan jumlah tugas dan tanggungjawab yang lebih berbanding guru yang lebih berusia. Bagi faktor kelulusan akademik, hasil ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang berkelulusan sijil dan diploma berbanding guru yang berkelulusan sarjana muda ($t=1.571$, $p>0.05$). Ini menunjukkan kelulusan akademik tertinggi tidak menentukan jumlah beban tugas bagi seseorang guru dan jumlah tugas dan tanggungjawab bagi seseorang itu diberi tanpa mengira kelulusan akademik dan semua guru dianggap tiada perbezaan latar belakang dari segi kelulusan akademik dan mampu melaksanakan semua tugas yang diamanahkan. Bagi faktor pengalaman mengajar pula, hasil ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang mengajar 20 tahun ke bawah dengan guru yang mengajar melebihi 20 tahun ($t=0.289$, $p>0.05$). Ini menunjukkan pengalaman mengajar tidak mempengaruhi jumlah beban tugas bagi seseorang guru tersebut. Begitu juga dengan factor jumlah kelas yang diajar, hasil ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang mengajar satu kelas dengan yang mengajar 2 dan 3 kelas ($t=-1.048$, $p>0.05$). Dapat dirumuskan di sini, jumlah beban tugas bagi seseorang guru KHB tidak berbeza antara kelulusan akademik tertinggi, pengalaman mengajar dan juga jumlah tingkatan yang diajar. Ini bermaksud, jumlah tugas dan tanggungjawab bagi seseorang guru tersebut diberi tanpa memikirkan faktor-faktor ini terlebih dahulu. Hanya factor umur sahaja yang diberi keutamaan iaitu guru yang berusia kurang 40 tahun dan yang melebihi 40 tahun. Kemungkinan apa yang difikirkan oleh pihak pentadbir ialah, guru yang lebih muda boleh memberikan komitmen yang lebih dan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi.

Jadual 7: Analisis Perbezaan Jumlah Beban Tugas Antara Umur, Kelulusan Akademik Tertinggi, Pengalaman Mengajar dan Jumlah Tingkatan Diajar

Ujian t	n	min	s.p	t	p
Umur					
40 tahun ke bawah	9	48.24	16.09	2.198	.037
Melebihi 40 tahun	19	36.83	11.09		
Kelulusan akademik tertinggi					
Sijil dan Diploma	10	36.19	6.01	1.571	0.129
Sarjana Muda	18	42.89	16.21		
Pengalaman Mengajar					
20 tahun ke bawah	15	41.21	15.44	0.289	0.775
Melebihi 20 tahun	13	39.68	11.99		
Tingkatan diajar					
Satu tingkatan	15	37.88	10.13	-1.048	0.308
Dua dan tiga tingkatan	13	43.51	16.89		

CADANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan sekolah tidak melaksanakan WPM seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1998 Alternatif Meringankan Beban Tugas Guru KHB Sekolah Menengah. Pada pandangan penyelidik, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu memikirkan perkara ini. Kenapa makmal sains disediakan dengan lima hingga enam orang pembantu makmal untuk membantu tugas guru sains sedangkan bengkel KHB tidak diwujudkan jawatan pembantu bengkel. Beban kerja dalam pengurusan bengkel sahaja sudah cukup membebankan dan ditambah pula dengan tugas-tugas rencam sebagaimana guru-guru lain. Daripada dapatan kajian ini juga beberapa cadangan dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan tugas dan tanggungjawab guru khususnya guru KHB. Antara cadangan tersebut ialah mewujudkan jawatan pembantu bengkel untuk membantu guru-guru mata pelajaran KHB menguruskan bengkel KHB di setiap sekolah. Dengan ini dapat meringankan beban tugas guru KHB yang terpaksa membuat persediaan lebih awal sebelum pengajaran dan terpaksa menyenggara bengkel selepas pengajaran amali KHB. Dengan adanya jawatan pembantu bengkel, guru dapat menumpukan perhatian yang lebih terhadap pengajaran dan juga dapat memberi tumpuan terhadap pelajar secara berterusan.

KESIMPULAN

Dapatlah disimpulkan bahawa tugas dan tanggungjawab guru sebagai pendidik amat berat lebih-lebih lagi guru yang mengajar mata pelajaran KHB yang lebih

menitikberatkan pencapaian kemahiran praktis di samping pengetahuan. Ini ditambah lagi dengan tanggungjawab guru dalam menguruskan bengkel dengan ketiadaan pembantu bengkel. Waktu bekerja guru tidak dinyatakan secara jelas berbanding penjawat awam lain, maka umum mengatakan guru hanya bekerja lima hingga enam jam sehari. Pada hakikatnya, tugas bagi seseorang guru melampaui waktu mengajar dan juga waktu persekolahan. Jumlah waktu mengajar bagi seseorang guru boleh memberi kesan yang besar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Jadi jumlah waktu mengajar dengan pertambahan tugas-tugas lain akan menyebabkan guru sukar memberi tumpuan yang sewajarnya dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sesuai dengan keperluan setiap murid yang diajar.

BIBLIOGRAFI

- Adam, B. (2002). *Beban Tugas Guru Sekolah Rendah Aliran Bahasa Melayu Di Kawasan Perbandaran Bahagian Sibul, Sarawak*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Bridges, S., & Searle, A. (2011). Changing workloads of primary school teachers : “ I seem to live on the edge of chaos .” *School Leadership & Management*, 31(5), 413–433.
- Cooper, S. (2013). *Pemimpin*. Pearson Education Limited.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Kajian Tugas Dan Tanggungjawab Guru*.
- Lukman, M. (2008). *Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Dua Buah Daerah Di Negeri Kedah*. Universiti Malaya.
- Muhammad Shukri, S. (1998). *Beban Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Rendah*. Tesis Master, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Rohani, C. (1991). *Beban Tugas Guru Dalam Pelaksanaan KBSM*. Tesis Master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Vardi, I. (2008). The impacts of different types of workload allocation models on academic satisfaction and working life. *Higher Education*, 57(4), 499–508. doi:10.1007/s10734-008-9159-8